



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN
MOHD NOOR S.M.S A.M.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 1/2020**

**31 JANUARI 2020,JUMAAT
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad

Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja
Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**

Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah
Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil.1/2020** bagi **bulan Januari** pada pagi yang berbahagia ini.

UCAPAN SEMPENA TAHUN BARU 2020

1. Alhamdulillah, kita masih lagi dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun baru ini. Di sepanjang tahun 2019 lalu, banyak pengalaman, cabaran dan dugaan telah kita dilalui. MPS juga telah melangkah jauh untuk meneruskan agenda yang telah ditetapkan.

2. Kesungguhan semua pihak dalam memastikan penyampaian perkhidmatan juga berada di tahap cemerlang sebagai teras utama dan telah

membuahkan hasil. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua jabatan, bahagian dan unit serta Ahli-ahli Majlis di atas kejayaan-kejayaan yang dicapai pada tahun lalu.

3. Sempena dengan sambutan tahun baru ini, diharapkan pelbagai azam baru digarap demi untuk kepentingan bersama, agama, bangsa dan tanah air. Sehubungan dengan itu, sebagai peneraju utama yang diamanahkan untuk mentadbir Majlis Pebandaran Selayang (MPS) ini, saya berazam dan berhasrat untuk melaksanakan lebih banyak perubahan demi untuk membina MPS yang lebih gemilang dari segi struktur organisasi sehinggalah kepada sistem perkhidmatan masyarakat.

4. Oleh itu, walaupun telah masuk satu bulan, saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020. Semoga segala usaha yang telah kita laksanakan pada tahun sebelumnya diberkati oleh Allah SWT dan usaha yang bakal kita laksanakan akan dirahmati serta mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan.

5. Sesungguhnya yang baik itu datangnye dari taufiq dan hidayah Allah SWT dan yang kurang itu adalah zahir dari kelemahan sifat hamba yang ada pada diri kita. Justeru, sama-samalah kita memberikan yang terbaik dalam penghasilan kerja kita agar perkhidmatan perbandaran MPS menjadi lebih mampan, progresif dan sejahtera.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

6. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM 108.55 juta (105.39%) daripada RM 103 juta.
7. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.01 juta (85.80%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
8. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 1 Oktober 2019. Sebanyak 27,409 keping waran telah dikeluarkan dan sehingga 31 Disember 2019, semua waran telah selesai dihantar.

9. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu. Di dalam operasi ini, MPS akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis tersebut.
10. MPS juga mengambil tindakan memacak/menampal Borang H bagi pegangan tanah kosong dan premis kosong. Selaras dengan seksyen 151 akta kerajaan tempatan 1976, tindakan ini dibuat bagi membolehkan MPS melelong pegangan tersebut sekiranya tiada bayaran dibuat. Sebanyak 5,207 keping telah dikeluarkan dan 4,963 keping telah ditampal/memacak sehingga 31 disember 2019.

11. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan pegangan tanah kosong masing-masing.
12. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
13. MPS telah mengeluarkan bil cukai taksiran penggal 1/2020 pada 06 November 2019 sebanyak 209,700 bil cukai berjumlah RM 55,561,280.00. Tarikh akhir bagi pembayaran bil penggal 1/2020 adalah pada 29 Februari 2020. Cenderahati berupa payung golf telah diedarkan kepada pembayar cukai terawal

yang membayar untuk setahun bagi tahun 2020. Sebanyak 6,000 unit payung telah habis diedarkan pada pertengahan Disember 2019.

YAD, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

‘REWARD’ KESELURUHAN MPS TAHUN 2019

14. Untuk makluman, MPS telah memperolehi prestasi pendapatan yang cemerlang bagi tahun 2019 dengan hasil pendapatan sebanyak RM 225.645 juta iaitu 122% pencapaian daripada sasaran yang ditetapkan.
15. Berdasarkan pencapaian tersebut, semua staf dan Ahli Majlis akan diberikan insentif/ saguhati RM 1,200.00 seorang.
16. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua kakitangan MPS yang bertungkus lumus dalam mencapai sasaran bagi tahun 2019.

BENGGEL PENINGKATAN HASIL

17. Untuk makluman juga semua juga, MPS akan mengadakan bengkel peningkatan hasil MPS bagi tahun 2020 bermula 3 hingga 5 Februari 2020.
18. Bengkel yang akan melibatkan sebahagian Ahli Majlis dan semua pengarah jabatan ini akan melihat semula prestasi kutipan hasil bagi tahun 2019 dan mengumpulkan input serta cadangan bagi meningkatkan hasil untuk tahun 2020.

PENJUALAN PERMIT TAPAK PERNIAGAAN THAIPUSAM DAN SAMBUTAN HARI THAIPUSAM 2019

19. Untuk makluman, pada hari semalam juga telah diadakan Penjualan Permit Tapak Perniagaan Thaipusam di Dewan Beringin Taman Sri Gombak. Suka saya kongsi di sini jumlah petak perayaan

Thaipusam yang telah berjaya dijual iaitu seperti berikut:

- i) Hotspot Perniagaan Am/ Makanan dan Minuman :
57 petak
- ii) Hotspot Gunting Rambut :15 petak
- iii) Gunting Rambut Biasa:14 petak
- iv) Perniagaan Am / Makanan dan Minuman Biasa :
123 petak

20. Jadi, saya berharap Ahli-Ahli Majlis dapat menwar-warkan kepada para peniaga di setiap zon masing-masing yang berminat untuk membeli petak bagi perayaan Thaipusam ini. Bagi yang berminat, sila datang ke Ibu pejabat MPS pada hari ini atau boleh

menghubungi Jabatan Perlesenan MPS untuk maklumat lanjut.

21. Seperti semua sedia maklum, setiap tahun perayaan Thaipusam diadakan di Kuil Batu Caves yang menjadi tumpuan penganut Hindu serta pelancong dari seluruh dunia. Dan pada tahun ini, Sambutan Thaipusam sekali lagi akan diadakan pada 8 Februari 2020.

22. Bagi persiapan menghadapi pengunjung-pengunjung yang ramai ke Batu Caves, MPS memberi fokus kepada pengurusan sisa pepejal dan juga keselamatan.

23. Seramai 10 orang staf Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS dan 90 pekerja kontraktor akan terlibat dalam kerja pembersihan di

Kuil Batu Caves dan dianggarkan sebanyak RM 150,00.00 telah dibelanjakan bagi kos pembersihan sepanjang 10 hari ini.

24. Terima kasih diucapkan kepada semua jabatan yang terlibat semasa berlangsungnya Majlis Sambutan Thaipusam ini.

YAD, Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

**PROGRAM KEBUN KOMUNITI DAN
PERTANDINGAN EDIBLE GARDEN 2019**

25. Pada 18 Januari 2020 yang lepas, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Majlis Perasmian Penutup Program Kebun Komuniti dan Pertandingan Edible Garden 2019 peringkat Majlis Perbandaran Selayang di Kebun Komuniti Taman Samudera

26. Disini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemenang iatu :

<p>A.</p> <p>1.</p> <p>2.</p> <p>3.</p> <p>4.</p> <p>5.</p>	<p>KEBUN KOMUNITI TERBAIK 2019</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Taman Samudera Gombak</p> <p>Tempat Kedua Kebun Komuniti Kampung Gombak Utara</p> <p>Tempat Ketiga Kebun Komuniti Kampung Changkat</p> <p>Saguhati Kebun Komuniti Taman Desa Bukit Indah</p> <p>Saguhati Kebun Komuniti Taman Selayang Jaya</p>
<p>B.</p> <p>1.</p> <p>2.</p> <p>3.</p> <p>4.</p> <p>5.</p>	<p>PLOT KEBUN KOMUNITI TERBAIK 2019 SETIAP ZON</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Taman Samudera Gombak Plot Sawi - Haji Kusaini b Md Dahan</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Kampung Gombak Utara Plot Roselle – Puan Norbaizaitul</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Kampung Changkat Plot Bayam Brazil – En. Rosli b Abd Ghani</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Taman Desa Bukit Indah Plot Bayam Brazil – En. Ahmad Ridzal b Yusoff</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti Taman Selayang Jaya Plot Kacang Panjang – Pn. Loo Voon May</p>
<p>C.</p> <p>1.</p> <p>2.</p>	<p>PENYELENGGARAAN KEBUN KOMUNITI TERBAIK 2016-2018</p> <p>Tempat Pertama Kebun Komuniti 2016 Laman Rakyat Bandar Baru Selayang (JKP 11)</p> <p>Tempat Kedua Kebun Komuniti 2018 Kampung Sungai Tua Baharu (JKP 6)</p>

27. Saya harap pengerusi setiap zon dapat mengekalkan momentum seperti ini untuk menghijaukan zon masing-masing agar hasrat MPS untuk menjadi Kawasan Taman Dalam Bandar dapat dicapai.

UCAPAN SELAMAT TAHUN BAHARU CINA

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Majlis yang menyambutnya. Semoga sambutan tahun ini , membawa kemakmuran, kegembiraan dan kebahagiaan kepada anda semua dan keluarga.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.